

127

SOALAN NO. 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH  
DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelaraskan Bahasa, Artikel 122 Perlembagaan Persekutuan dengan keputusan Hakim Zainun Ali HMP Mahkamah Persekutuan dalam kes M. Indira Gandhi untuk mengelakkan keraguan tentang bidangkuasa Mahkamah Sivil dan Syariah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, didapati bahawa Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan tersebut bukan merupakan isu yang berbangkit dalam kes Indira Gandhi a/p Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals [2018] 1 MLJ 545.

Sekian, terima kasih.